

**PERGERAKAN PEMUDA MALAYSIA /**  
**YOUNG MALAYSIANS MOVEMENT (YMM)**

Kami dari YMM menyokong usaha kerajaan dalam hasrat untuk meningkatkan lagi keberkesanan sistem pilahanraya negara kita. Kami yakin bahawa Jawatankuasa ini akan dapat menjalankan tugas dengan baik dan mencapai objektifnya. Namun kami YMM ingin menyeru dan meminta semua ahli Jawatankuasa dapat mengetepikan unsur-unsur parti politik masing-masing, dan berkerjasama secara ikhlas dan rasional untuk kebaikan negara kita.

Pandangan YMM adalah seperti berikut:

1) Kami menyokong cadangan untuk mendaftarkan rakyat berumur 21 tahun secara automatik sebagai PRA-pengundi. Tetapi memandangkan kepada:

- a) hak asasi perseorang yang berhak untuk membuat pilihan; dan
- b) maklumat individu yang mungkin tidak tekini dalam sistem MYkad.

maka kami ingin mencadang bahawa ia perlu dilaksanakan dengan menambah proses Pengesahan kepada pendaftaran tersebut. Proses Pengesahan ini akan mengesahkan samada individu tersebut menerima pendaftaran tersebut dan mengemaskinikan data beliau, malah juga dapat memberitahu individu tersebut tempat Parlimen dan DUN negeri didaftarkan. Dan juga menetapkan tempoh pengesahan tersebut selama 6 bulan, individu yang tidak mengesahkan pendaftaran akan dianggapkan tidak menerima pendaftaran tersebut.

rik 2) Kami juga memandang serius terhadap transperansi undi-undi dari Rakyat di Luar Negara dan undi Tentera. kami memahami bahawa keperluan untuk mengadakan pengundian lebih awal untuk golongan tersebut. kami mencadangkan supaya memperkuatkan lagi dalam Pemerhati dalam pengundian tersebut. misalnya menghantar Pemerhati yang neutral.

3) Data di dalam rekod Suruhanjaya Pilihanraya kadangkala tidak tepat dan tidak kemaskini (misalnya sudah pindah rumah, meninggal dunia, dan sebagainya). Kami mengharapkan agar SPR membuat proses pengemaskinian di tempat yang mudah untuk rakyat berurusan, seperti di pejabat pos dan lain-lain.

Terima kasih.